



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMS 216 – Sejarah Ekonomi Malaysia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Melaka muncul sebagai sebuah pelabuhan penting di Selat Melaka pada abad ke-15. Terangkan langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah Melaka dalam mengekalkan kepentingan Melaka sebagai pusat perdagangan dan perkapalan.

(100 markah)

2. Kuasa-kuasa asing seperti Portugis dan Belanda berusaha untuk memonopoli perdagangan di Selat Melaka tetapi tidak begitu berjaya. Berikan sebab-sebab mengapa mereka gagal.

(100 markah)

3. Jelaskan struktur masyarakat Melayu zaman pra-penjajahan. Mengapa pada pendapat anda masyarakat Melayu tradisi tidak berdaya saing untuk meningkatkan taraf hidup mereka?

(100 markah)

4. Penemuan bijih timah dan kesesuaian tanaman getah di negeri-negeri Melayu memperlihatkan potensi ekonomi yang boleh dimajukan. Bincangkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan British dalam memajukan kedua-dua komoditi eksport ini.

(100 markah)

5. Perkembangan ekonomi Sabah di bawah pentadbiran *North Borneo Chartered Company* dan Sarawak di bawah pentadbiran keluarga Brooke tidak serancak seperti di Semenanjung. Huraikan masalah dan halangan yang dihadapi dalam memajukan ekonomi kedua-dua negeri itu.

(100 markah)

6. Dasar Ekonomi Baru gagal mencapai matlamatnya. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini? Mengapa anda berpendapat demikian?

(100 markah)